

**SOALAN NO: 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN LIM GUAN ENG**

**TARIKH: 8 APRIL 2014**

**SOALAN:**

**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian bersedia mengambil alih semua urusan pengambilan pekerja asing melalui Agensi Kerajaan atau Kerajaan dengan Kerajaan (G2G) dan bukan malalui khidmat ejen bagi memastikan rekod dan data lengkap jumlah pekerja asing sah atau tidak sah di negara ini dapat di pantau dengan lebih berkesan.

**PR-1321-L59417**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mekanisme Kerajaan dengan Kerajaan (G to G) telah bermula dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) Malaysia-Bangladesh pada tahun 2012. Mekanisme ini tidak melibatkan pihak ketiga, agen, syarikat membekal dan mengurus atau majikan secara langsung, dan dimulakan untuk sektor perladangan sawit. Mekanisme ini adalah amat berkesan dan juga dapat menjamin

pekerja yang dibawa masuk tidak dieksplotasi oleh mana-mana pihak.

2. Cadangan untuk mengambil alih keseluruhan proses pengambilan pekerja asing harus diperinci dan diteliti terlebih dahulu kerana perkara ini melibatkan kerjasama dari agensi-agensi kawal selia yang lain dan negara-negara sumber yang berkaitan.